

Koperasi raih manfaat platform MAYA2U

PETALING JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) menjangkakan lebih 13,000 koperasi di bawahnya akan mendapat manfaat daripada portal perdagangan, MAYA2U, yang diwujudkan melalui kerjasama antara Sterling Red Sdn. Bhd. (Sterling Red) dan OBOR Net Sdn. Bhd. (OBORNet).

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, portal itu akan membolehkan lapan juta anggota Angkasa meneroka platform perdagangan elektronik (e-Dagang), ASEAN2U, di bawah OBORNet.

Katanya, ia seterusnya memberikan mereka akses kepada 65 buah negara yang terlibat di bawah inisiatif Satu Jalur, Satu Laluan (OBOR).

"Kerjasama ini akan memboleh-

kan koperasi di Malaysia dan ASEAN untuk menjalankan urus dengan negara-negara OBOR, bermula dengan China, Hong Kong dan Taiwan," katanya pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama strategik antara Sterling Red dan OBORNet di sini semalam.

Abdul Fattah berkata, kerjasama antara MAYA2U dan ASEAN2U merupakan inisiatif perniagaan kepada perniagaan kepada komersial (B2B2C) yang pertama di Malaysia dan akan menyediakan sebuah ekosistem setempat bagi memudahkan urus niaga merentas sempadan di samping menjana pertumbuhan jualan tempatan dan antarabangsa.

Ujarnya, pasaran e-Dagang China, yang dianggarkan melebihi

AS\$600 bilion (RM2.51 trillion), akan membolehkan koperasi-koperasi Malaysia berkembang melalui kerjasama dengan lain-lain perusahaan bagi meningkatkan penawaran produk, perkhidmatan dan pelanggan.

Beliau menambah, dengan mengambil kesempatan ke atas Zon Perdagangan Bebas Digital yang baharu dilancarkan, platform itu akan menyediakan perkhidmatan logistik yang lebih baik untuk pelanggan dan meraapkan komunikasi serta memecahkan halangan bahasa dan perbezaan budaya.

"Perusahaan kecil dan sederhana akan dipertingkatkan ke tahap tertinggi untuk mencapai pasaran global termasuk vendor di negara-negara OBOR.

"Kerjasama antara MAYA2U dan ASEAN2U akan memperkasakan kami untuk menawarkan perkhidmatan kepada koperasi dengan teknologi yang canggih tetapi berkos rendah," ujarnya.
- Bernama



ABDUL FATTAH

Perpustakaan Koperasi
Malaysia